

TINJAUAN EKONOMI

• Tinjauan dan Prospek Ekonomi Malaysia

PERKEMBANGAN DALAM TAHUN 2007

Tinjauan Keseluruhan

Ekonomi Malaysia terus berdaya tahan dan kukuh dalam tahun 2007, terutamanya pada suku keempat. Ini adalah sebahagian besarnya mencerminkan kekuatan asas dan struktur ekonomi negara yang berpelbagai dari kedua-dua sudut permintaan dan bekalan.

Kedudukan sektor perkhidmatan yang besar, disokong oleh sektor pertanian dan perlombongan telah dapat melindungi ekonomi negara dari kesan penurunan yang mendadak dalam aktiviti sektor pembuatan. Aktiviti sektor pembinaan yang lebih kukuh juga telah turut menyumbang kepada prestasi ekonomi yang lebih baik dalam 2007.

Eksport barangan pembuatan secara amnya telah menurun disebabkan oleh kemerosotan permintaan antarabangsa bagi barangan elektrik dan elektronik, terutama dari Amerika Syarikat (AS). Walaubagaimanapun, hasil pendapatan daripada barangan utama seperti minyak dan gas dan minyak sawit meningkat lebih tinggi ekoran peningkatan dalam permintaan dan harga.

Permintaan dalam negeri yang tinggi dan kukuh juga memberikan lebih keupayaan dan kekuatan kepada ekonomi untuk menangani kesan dari kemerosotan permintaan luar dalam 2007. Perbelanjaan penggunaan dan pelaburan terus meningkat pada tahun lepas dan ini mencerminkan kesan-kesan positif daripada dasar-dasar pengembangan fiskal dan kewangan Kerajaan.

Pada keseluruhannya, keluaran dalam negara kasar (KDNK) naik sebanyak 6.3% pada tahun 2007, lebih kukuh berbanding 5.9% dalam 2006. Ini adalah juga kadar pertumbuhan terbaik yang pernah dicapai oleh negara dalam tempoh tiga tahun. Suku keempat juga menyaksikan kadar pertumbuhan mencecah paras tertinggi sebanyak 7.3%, yang terpantas sejak suku kedua tahun 2004.

Prestasi pertumbuhan yang lebih mantap pada tahun 2007 telah dicapai dalam persekitaran harga yang lebih stabil, berasaskan kadar inflasi yang lebih rendah iaitu sebanyak 2.0% berbanding 3.6% dalam tahun sebelumnya. Ini adalah sebahagian besarnya mencerminkan keberkesanan berbagai-bagai dasar pengurusan harga Kerajaan, yang disokong oleh pengukuhan Ringgit. Kadar inflasi yang menurun dan tahap kecairan yang tinggi selanjutnya telah membantu pengurusan dasar kewangan akomodatif dan mengekalkan kestabilan kadar faedah pada tahap yang rendah.

Asas ekonomi Malaysia dalam 2007 telah diperkukuhkan lagi oleh kedudukanimbangan luar negara yang lebih baik. Jumlah rizab luar negara telah meningkat berikutan lebih keseluruhan imbalan pembayaran yang lebih tinggi, terutamanya berpunca dari lebih besar akaun semasa yang berterusan. Rizab luar negara pada penghujung 2007 berjumlah RM335.7 bilion atau US\$101.3 bilion, meningkat sebanyak RM45.3 bilion atau US\$18.9 bilion berbanding dengan paras yang dicatatkan pada penghujung tahun 2006. Sektor luar negeri dengan itu telah menyumbang lebih banyak kecairan dalam tahun lalu.

Keadaan Permintaan

Kedudukan permintaan dalam negeri secara amnya adalah teguh dalam 2007. Perbelanjaan penggunaan dan pelaburan mencatatkan pertumbuhan kukuh, masing-masing sebanyak 10.6% dan 10.2% berbanding 6.6% dan 7.9% dalam 2006. Penggunaan swasta meningkat sebanyak 11.7% pada tahun lepas, terutamanya disokong oleh peningkatan yang berterusan dalam pendapatan boleh guna, kedudukan pasaran buruh yang mantap dan kemudahan untuk mendapatkan kredit.

Pada tahun lalu, peningkatan harga barangan komoditi utama, terutamanya minyak sawit mentah dan getah, peningkatan gaji kakitangan awam dan prestasi kukuh pasaran ekuiti serta penambahan peluang pekerjaan telah menyumbang kepada peningkatan pendapatan. Selanjutnya, sumbangan oleh penggunaan swasta kepada pertumbuhan KDNK sebenar pada tahun lepas telah meningkat kepada 5.2 mata peratusan (mp) daripada 3.4 mp dalam 2006. Pada masa yang sama, peratusan sumbangan penggunaan swasta kepada KDNK telah meningkat kepada 51% daripada 48.4% dalam 2006.

JADUAL 1 : KDNK SEBENAR MENGIKUT AGREGAT PERMINTAAN

% Perubahan	2003	2004	2005	2006	2007	2008f
Penggunaan	8.2	9.4	8.2	6.6	10.6	6.9
Awam	8.6	7.6	6.4	5.0	6.4	5.2
Swasta	8.1	9.8	8.7	7.1	11.7	7.4
Pelaburan (tanpa stok)	2.8	3.6	5.0	7.9	10.2	5.8
Awam	-0.3	-21.5	6.8	8.9	7.5	1.0
Swasta	8.8	46.5	3.3	7.0	12.3	6.2
Agregat Permintaan Dalam Negeri	6.6	7.7	7.3	7.0	10.5	6.6
Awam	3.7	-7.8	6.6	6.8	6.9	3.7
Swasta	8.2	15.6	7.6	7.0	11.8	7.2
Eksport	5.1	16.1	7.9	7.4	3.7	4.3
Import	4.5	19.6	8.9	8.6	4.1	6.2
KDNK Sebenar	5.8	6.8	5.0	5.9	6.3	5.2

Pelaburan swasta turut mencatatkan pertumbuhan yang lebih pantas sebanyak 12.3% pada tahun lalu berbanding 7.0% dalam tahun 2006, terutamanya dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan perlombongan. Ekonomi juga turut menyaksikan kemasukan pelaburan terus asing (FDI) yang lebih tinggi dalam sektor pembuatan dan perlombongan yang mana mencerminkan kedudukan daya saing negara yang berterusan dalam menarik masuk pelaburan asing.

Sebaliknya pelaburan awam mencatatkan pertumbuhan yang menurun, iaitu 7.5% berbanding 8.9% dalam 2006, tetapi ia terus mendorong kepada peningkatan pelaburan swasta. Secara keseluruhan, perbelanjaan pelaburan menyumbang 2.2 mp kepada pertumbuhan keseluruhan KDNK dalam 2007, lebih tinggi berbanding 1.8 mp dalam 2006.

JADUAL 2 : SUMBANGAN KEPADA PERTUMBUHAN – PERMINTAAN

% Mata	2003	2004	2005	2006	2007	2008f
Penggunaan	4.7	5.4	4.9	4.0	6.1	4.4
Awam	1.1	1.0	0.8	0.7	0.9	0.7
Swasta	3.6	4.4	4.0	3.4	5.2	3.7
Pelaburan (tanpa stok)	0.7	0.8	1.1	1.8	2.2	1.3
Awam	-0.1	-3.1	0.7	1.0	0.8	0.1
Swasta	0.7	3.9	0.4	0.8	1.4	1.2
Stok	-1.0	0.8	-1.3	0.1	-1.3	0.9
Agregat Permintaan Dalam Negeri	5.3	6.2	6.0	5.8	8.3	5.7
Awam	1.0	-2.1	1.5	1.6	1.7	0.8
Swasta	4.3	8.4	4.4	4.2	6.6	4.9
Eksport	5.7	17.7	9.5	9.1	5.2	5.2
Import	4.2	18.0	9.1	9.1	5.8	6.7
Eksport Bersih	1.5	-0.2	0.4	0.0	0.6	-1.4
KDNK Sebenar	5.8	6.8	5.0	5.9	6.3	5.2

TINJAUAN EKONOMI


Sektor luar negeri pula menunjukkan prestasi eksport barangan dan perkhidmatan telah menurun pada tahun lepas dan kadar pertumbuhannya merosot secara mendadak kepada 3.7% daripada 7.4% dalam 2006. Ini terutamanya disebabkan oleh penurunan permintaan untuk barangan elektrik dan elektronik (E&E). Walaubagaimanapun, eksport barangan utama telah meningkat tinggi untuk mengimbangi prestasi lemah eksport barangan pembuatan.

Pendapatan eksport barangan utama seperti minyak dan gas serta minyak sawit mencatatkan peningkatan ketara pada tahun lepas, terutamanya berikutan dari kenaikan harga. Sementara harga purata minyak mentah meningkat kepada

US\$76.46 setong dalam 2007 berbanding US\$68 dalam tahun sebelumnya, harga purata minyak sawit telah melonjak kepada RM2,368 setiap tan pada tahun lepas berbanding RM1,544 setiap tan pada tahun 2006.

Sumbangan eksport kepada pertumbuhan keseluruhan KDNK sebenar dengan itu telah menurun kepada 5.2 mp pada tahun lepas daripada 9.1 mp dalam 2006. Walau bagaimanapun, oleh kerana import menurun lebih pantas berbanding eksport (4.1% daripada 8.6%), sumbangan eksport bersih kepada pertumbuhan keseluruhan KDNK pada tahun lepas meningkat kepada 0.6mp berbanding sumbangan sifar dalam 2006.

CARTA 1 : KDNK, AGREGAT PERMINTAAN DALAM NEGERI & EKSPORT (% YOY)



Keadaan Bekalan

Semua sektor ekonomi mencatatkan pertumbuhan positif dalam 2007, diterajui oleh sektor perkhidmatan. Sektor perkhidmatan berkembang pada kadar yang lebih pantas iaitu 9.7% berbanding 7.2% dalam 2006, ekoran permintaan dalam negeri yang kukuh di samping kemasukan lebih ramai pelancong. Sub-sektor perkhidmatan yang telah mencatat pertumbuhan dua angka termasuklah hartanah,

keuangan dan insurans, pengangkutan dan penyimpanan, penginapan dan restoran serta pemborongan dan peruncitan dan juga kenderaan bermotor.

Selanjutnya, sumbangan sektor perkhidmatan kepada pertumbuhan keseluruhan KDNK telah meningkat kepada 5.0 mp dalam 2007 berbanding 3.7 mp dalam 2006. Sektor ini menyumbang 53.6% kepada KDNK dalam tahun 2007 (2006:52.0%).

JADUAL 3 : KDNK SEBENAR MENGIKUT SEKTOR

% Perubahan	2003	2004	2005	2006	2007	2008f
Pertanian	6.0	4.7	2.6	5.2	2.2	5.5
Pelombongan	6.1	4.1	-1.3	-0.4	3.2	3.3
Pembuatan	9.2	9.6	5.3	7.1	3.1	4.7
Pembinaan	1.8	-0.9	-1.8	-0.5	4.6	4.6
Perkhidmatan	4.2	6.4	6.7	7.2	9.7	5.9
KDNK Sebenar	5.8	6.8	5.0	5.9	6.3	5.2

Sementara itu, setelah mengalami tiga tahun pertumbuhan negatif sejak 2004, sektor pembinaan kembali pulih dan mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 4.6% dalam 2007. Pertumbuhan dalam sektor ini diterajui oleh sub-sektor kejuruteraan awam berikutan pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Sektor pelombongan juga telah mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 3.2% terutamanya berikutan peningkatan pengeluaran minyak mentah, serta disokong oleh pengukuhan harga.

JADUAL 4 : SUMBANGAN KEPADA PERTUMBUHAN – SEKTOR

Mata Peratusan	2003	2004	2005	2006	2007	2008f
Pertanian	0.5	0.4	0.2	0.5	0.2	0.4
Pelombongan	0.6	0.4	-0.1	0.0	0.3	0.3
Pembuatan	2.7	2.9	1.6	2.2	1.0	1.4
Pembinaan	0.1	0.0	-0.1	0.0	0.1	0.1
Perkhidmatan	2.1	3.2	3.4	3.7	5.0	3.2
Lain-lain	-0.2	-0.1	0.0	-0.3	-0.2	-0.2
KDNK Sebenar	5.8	6.8	5.0	5.9	6.3	5.2


Sementara itu, sektor pembuatan mengalami penurunan secara mendadak dalam tahun 2007. Sektor ini mencatatkan pertumbuhan 3.1% berbanding 7.1% dalam 2006 yang merupakan kadar terendah sejak 2001. Ini adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh kelembapan dalam industri berorientasikan eksport, terutamanya elektrik dan elektronik. Pengeluaran barangan elektrik dan elektronik menguncup 2.2% pada tahun lalu berbanding pertumbuhan sebanyak 4.6% dalam 2006.

Sebaliknya, pengeluaran industri berorientasikan pasaran dalam negeri mencatatkan pertumbuhan yang kukuh, termasuklah perusahaan makanan dan minuman, besi

dan keluli serta barangan logam. Dengan itu, sumbangan sektor pembuatan kepada pertumbuhan keseluruhan KDNK turun kepada 1.0 mp pada tahun lepas, iaitu yang terendah semenjak 2001. Peratusan sumbagan nilai sektor pembuatan kepada KDNK juga menurun kepada 30.1% dalam tahun 2007, paling rendah sejak 2003.

Sektor pertanian juga menunjukkan kadar pertumbuhan yang lebih perlahan, iaitu 2.2% berbanding 5.2% dalam 2006 disebabkan oleh pengeluaran getah dan minyak sawit yang lebih rendah. Akan tetapi, keadaan ini telah dapat diimbangi oleh pengeluaran yang lebih mantap dalam sektor berkaitan makanan.

CARTA 2 : KDNK, PEMBUATAN, PERKHIDMATAN (% YOY)



TINJAUAN EKONOMI

PROSPEK DALAM TAHUN 2008

Ekonomi global sedang menghadapi masalah kelembapan berikutan kelemahan dalam ekonomi AS yang berpunca dari krisis sub-prima gadaai janji dan kredit. Risiko ekonomi AS menghadapi kemelesetan kian meningkat berikutan kenaikan harga minyak mentah dan penurunan dolar AS. Meskipun Federal Reserves AS telah memberi tumpuan kepada pertumbuhan, tekanan inflasi yang meningkat merumitkan pengurusan dasar kewangan dan kadar faedah bagi menyokong pertumbuhan.

Memandang kepada persekitaran luaran yang mencabar, prestasi eksport Malaysia mungkin terjejas dalam separuh kedua tahun ini selepas mencatatkan prestasi yang baik dalam separuh tahun pertama. Dengan itu, sektor pembuatan juga dijangka mengalami kelembapan dalam suku ketiga dan keempat. Namun demikian, ekonomi Malaysia boleh mengekalkan momentum pertumbuhan pada tahun ini disokong oleh kedudukannya yang sedia kukuh dan asasnya yang pelbagai serta meluas.

Dari sudut bekalan, sektor perkhidmatan, pembinaan, perlombongan dan pertanian dijangkakan dapat terus berkembang pada tahun ini. Walaupun menghadapi keadaan separuh tahun kedua yang lebih lemah, sektor pembuatan dijangka dapat mencatat kadar pertumbuhan yang lebih baik pada tahun ini ekoran prestasi separuh tahun pertamanya yang lebih kukuh dan permintaan dalam negeri yang terus mantap.

Permintaan dalam negeri akan terus meningkat, disokong oleh dasar-dasar fiskal dan kewangan yang mengembang. Kedudukan kecairan yang kekal tinggi akan menjamin bekalan dana yang mencukupi untuk kedua-dua sektor awam dan swasta.

Di samping itu, eksport secara keseluruhan dijangka dapat terus mencatatkan pertumbuhan berikutan kenaikan harga barangan utama, terutamanya minyak mentah dan gas, minyak sawit dan getah.

Berasaskan kepada jangkaan-jangkaan di atas, KDNK sebenar Malaysia diunjurkan mencatat pertumbuhan agak perlahan pada kadar 5.2% dalam 2008 berbanding 6.3% dalam 2007. Sementara itu, ekonomi AS mungkin akan mengalami kemerosotan yang lebih teruk dan seterusnya melemahkan lagi permintaan global. Dalam keadaan ini, Kerajaan dijangka akan mengambil langkah-langkah fiskal dan kewangan yang lebih agresif untuk menggalakkan permintaan dalam negeri dan pertumbuhan keseluruhan ekonomi.

Keadaan Permintaan

Sentimen pengguna dan pelabur dipengaruhi oleh ketidakpastian luaran serta tekanan inflasi dalam negara yang bertambah pada tahun ini. Bagaimanapun, faktor-faktor asas yang kuat termasuk pertumbuhan stabil dalam pendapatan berikutan harga komoditi lebih tinggi, keadaan pasaran pekerja yang kukuh dan akses mudah untuk mendapatkan kredit di samping kadar faedah yang rendah akan membantu mengekalkan penggunaan swasta. Sehubungan ini, perbelanjaan penggunaan swasta dijangka terus mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 7.4% pada tahun ini, meskipun pada kadar lebih rendah berbanding 11.7% dalam 2007.

Kesan positif daripada kenaikan gaji kakitangan awam berikutan pelarasan yang dibuat dalam 2007 akan terus dirasai dalam separuh tahun pertama. Kefleksibelan yang diberi kepada penyumbang untuk menggunakan simpanan di dalam tabung Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mereka untuk pembayaran gadaai janji turut membantu menggalakkan perbelanjaan swasta dalam tahun ini.

Kadar faedah semasa yang rendah serta kedudukan kecairan yang mencukupi dalam sistem kewangan akan turut menggalakkan penggunaan swasta. Pada penghujung Mei tahun ini, kecairan lebihan dalam sistem kewangan dianggarkan berjumlah RM351.5 bilion berbanding RM280 bilion pada penghujung 2007. Kredit tetap kukuh dengan trend menaik sebanyak 11% dalam Mei, kadar paling kukuh semenjak Mei 1998. Pada peringkat tertentu, pinjaman lebih tinggi telah membantu meningkatkan prestasi pasaran automotif dalam negara. Dilaporkan jualan kenderaan baru dalam lima bulan pertama tahun ini adalah 228,984 unit atau 52,028 unit lebih banyak berbanding jumlah yang dicatatkan dalam tempoh yang sama pada tahun lepas.

Perbelanjaan pelaburan swasta dijangka turut meningkat dalam 2008 berdasarkan kekukuhan aktiviti ekonomi yang digalakkan oleh pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (9MP-2006-2010). Kesan daripada pelarasan cukai dan lain-lain perkara untuk meningkatkan daya saing negara seperti pengurangan cukai korporat kepada 26% dan sistem cukai setingkat boleh membantu menambahkan pelaburan swasta pada tahun ini. Dijangkakan pelaburan swasta sebenar akan meningkat sebanyak 6.2% dalam 2008. Termasuk pelaburan awam, yang diunjurkan tumbuh sebanyak 1.0% berbanding 7.5% dalam 2007, pembentukan modal untuk 2008 akan meningkat sebanyak 5.8% berbanding 10.2% dalam 2007.

Sebagai nisbah kepada KNK, jumlah pelaburan termasuk perubahan stok diunjurkan menurun kepada 20.8% KNK dalam 2008, daripada 22.2% dalam 2007. Berbanding dengan nisbah simpanan sebanyak 35.3% KNK (2007:38.9%), lebih sumber mungkin menurun kepada 14.5% KNK (2007: 16.7%) seperti yang dicerminkan oleh lebih dalam akaun semasa imbalan pembayaran. Meskipun tahap pelaburan semasa hanya cukup untuk menjana pertumbuhan lebih 5% pada tahun ini, terdapat potensi untuk ekonomi berkembang lebih cepat berikutan penggunaan simpanan yang lebih tinggi. Dalam 2008, sumbangan oleh pelaburan kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan mungkin menyederhana kepada 0.9 mp daripada 2.3 mp dalam 2007.

Secara keseluruhan, sumbangan perbelanjaan swasta kepada pertumbuhan KDNK sebenar pada tahun ini kekal tinggi pada 4.9 mp daripada 6.6 mp dalam 2007. Sumbangan perbelanjaan awam diunjurkan menyederhana kepada 0.8 mp daripada 1.7 mp pada tahun lepas.

Dari sudut luaran, eksport sebenar barangan dan perkhidmatan diunjurkan turun dalam separuh tahun kedua tahun ini berikutan kemerosotan dalam prestasi eksport E&E. Bagaimanapun, disebabkan separuh tahun pertama yang lebih kukuh dan eksport komoditi utama lebih tinggi, nilai eksport sebenar bagi seluruh tahun 2008 mungkin mencatatkan peningkatan lebih cepat sebanyak 4.3% berbanding 3.7% dalam 2007. Meskipun terdapat penurunan mendadak dalam eksport E&E sebanyak 4.8%, jumlah eksport barangan dalam lima bulan pertama tahun ini bertambah sebanyak 14.6% disebabkan pendapatan lebih besar dalam komoditi utama.

Secara keseluruhan, eksport diunjurkan menyumbang 5.2 mp kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan, seperti dalam 2007. Bagaimanapun, disebabkan import dijangka meningkat lebih cepat daripada eksport, sumbangan eksport bersih kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan dalam 2008 dijangka kembali kepada negatif 1.4 mp berbanding positif 0.6 mp pada tahun lepas.

Keadaan Bekalan

Sektor perkhidmatan dijangka terus mencatatkan prestasi kukuh pada tahun ini. Ia diunjurkan meningkat sebanyak 5.9%, disebabkan oleh penggunaan swasta yang kukuh serta aktiviti perniagaan keseluruhan terutamanya pelancongan. Pengembangan pelancongan dalam negara dan kemasukan pelancong asing akan menyumbang kepada pertumbuhan perdagangan borong dan runcit serta sub sektor hotel dan restoran. Bagaimanapun, kebimbangan tentang kenaikan harga mungkin menjejaskan aktiviti perniagaan dalam bulan-bulan selebihnya pada tahun ini kerana pengguna mungkin melambat atau menangguhkan perbelanjaan disebabkan pendapatan boleh guna yang menurun.

Pertumbuhan dalam sektor pertanian diunjurkan meningkat kepada 5.5%, terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam pengeluaran minyak sawit dan getah. Inisiatif Kerajaan untuk mengukuhkan lagi sub sektor makanan melalui pelbagai langkah di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan akan meningkatkan lagi sektor ini.

Sektor pembinaan dijangka mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.6% pada tahun ini, diterajui oleh sub sektor kejuruteraan awam dan disokong oleh sub sektor perumahan dan bukan perumahan. Bagaimanapun, kebimbangan tentang kos pengeluaran semakin tinggi, inflasi lebih tinggi serta ketidakpastian ekonomi mungkin melembapkan pertumbuhan dalam sektor harta tanah terutamanya sepanjang tempoh pendek dan sederhana. Sementara itu, sektor pelombongan dianggarkan terus berkembang, sebanyak 3.3% disebabkan permintaan yang kukuh serta pengembangan keupayaan dalam pengeluaran minyak dan gas.

Disebabkan prestasi kukuh dalam industri berorientasikan dalam negara, pertumbuhan dalam sektor pembuatan diunjurkan meningkat sedikit kepada 4.7% pada tahun ini, daripada 3.1% pada tahun lepas. Sebaliknya, industri berorientasikan eksport dijangka turun pada tahun ini terutamanya dalam separuh tahun kedua.

IMBANGAN LUARAN DAN DASAR KEWANGAN

Kedudukan luaran terus kukuh dalam 2007 dan lebih akaun semasa dijangka kekal dalam 2008. Ini mencerminkan pengekalan lebih sumber yang tinggi dalam ekonomi meskipun perbelanjaan pelaburan kian meningkat. Dengan itu, ekonomi akan terus berkembang pada tahap sub optimum.

Dalam 2007, lebih dalam akaun semasa berjumlah RM99.3 bilion atau 15.8% KNK berbanding RM93.4 bilion atau 16.8% KNK dalam 2006. Ini terutamanya disebabkan oleh lebih yang besar dalam imbalan barang niaga serta imbalan perkhidmatan yang positif, sebahagian besar daripadanya diperolehi daripada pendapatan yang besar dalam akaun perjalanan.

TINJAUAN EKONOMI

JADUAL 5 : IMBANGAN PEMBAYARAN

RM Bilion	2004	2005	2006	2007	2008f
Imbangan Akaun Semasa	56.5	75.7	93.4	99.3	100.5
% KNK	12.6	15.3	16.8	15.8	14.5
Imbangan Barangan	104.5	125.6	134.6	128.1	128.0
Imbangan Perkhidmatan	-9.0	-10.3	-6.9	1.0	1.7
Imbangan Pendapatan	-24.5	-23.9	-17.4	-13.7	-11.0
Pindahan Bersih	-14.6	-17.0	-16.9	-16.1	-18.2
KDNK Sebenar (% YoY)	6.8	5.0	5.9	6.3	5.2


Dalam 2008, lebih dalam akaun semasa diunjurkan berjumlah RM100.5 bilion atau 14.5% KNK dengan syarat lebih perdagangan yang besar dikekalkan. Akaun perkhidmatan juga dijangka mencatatkan lebih dalam tahun ini.

Dengan lebih yang lebih besar dalam akaun semasa, imbangan pembayaran keseluruhan Malaysia pada tahun lepas meningkat sebanyak 45.3 bilion daripada RM24.0 bilion dalam 2006. Lebih yang lebih besar ini dicapai walaupun defisit akaun kewangan meningkat berikutan peningkatan dalam pembayaran dan pembayaran semula pinjaman luaran di samping lebih banyak aliran keluar pelaburan terus oleh sektor swasta. Oleh itu, rizab luar negara meningkat kepada RM335.7 bilion atau AS\$101.3 bilion pada penghujung 2007, daripada RM290.4 bilion atau AS\$82.5 bilion dalam 2006. Rizab ini mencukupi untuk membiayai lebih kurang 8.8 bulan import tertahan dan berjumlah 6.1 kali lebih tinggi daripada pinjaman jangka pendek negara.

Imbangan keseluruhan dijangka terus meningkat dalam 2008, meskipun lebih yang diperolehi mungkin lebih kecil disebabkan defisit yang lebih besar dalam akaun kewangan. Dengan itu, rizab luar negara akan terus meningkat pada tahun ini. Enam bulan pertama tahun ini menyaksikan rizab luar negara meningkat sebanyak RM75.1 bilion atau AS\$24.4 bilion kepada RM410.9 bilion atau AS\$125.8 bilion, melebihi AS\$18.9 bilion yang terkumpul sepanjang 2007.

Sektor luaran kekal sebagai sumber utama kecairan dalam ekonomi. Dalam lima bulan pertama tahun ini, kecairan sektor swasta, diukur menurut wang besar (M3), berkembang sebanyak RM65.9 bilion atau 8.7% berbanding RM72.5 bilion atau 9.5% sepanjang 2007. Oleh itu, terdapat lebih kecairan terkumpul yang lebih besar dalam sistem kewangan dalam negara, yang membawa kepada campur tangan oleh Bank Negara untuk menstabilkan kadar faedah.

CARTA 3 : RIZAB LUARAN DAN DEPOSIT INSTITUSI KEWANGAN DENGAN BNM



Sementara itu, kecairan yang tinggi telah memudahcarakan pengelolaan dasar kewangan akomodatif untuk menyokong pertumbuhan. Oleh itu, Kadar Dasar Semalaman (OPR) dikekalkan pada 3.5% sepanjang 2007, dalam suasana kadar inflasi yang rendah. Kadar inflasi, diukur menurut indeks harga pengguna (CPI), mereda kepada 2.0% pada tahun lepas berbanding 3.6% dalam 2006.

Dalam lima bulan pertama tahun ini, kadar inflasi melompat kepada 2.9%, melebihi 2.2% yang dicatatkan dalam tempoh sama tahun 2007. Dalam bulan Mei, kadar inflasi ini meningkat kepada 3.8%, peningkatan paling cepat semenjak Julai 2006 (4.1%) oleh kerana harga makanan dan minuman tanpa alkohol yang lebih tinggi.

Berikutan pembaharuan skim subsidi untuk produk petroleum, kadar inflasi dijangka terus meningkat dalam bulan-bulan yang akan datang. Dengan itu, harga petrol meningkat sebanyak 41% kepada RM2.70 seliter, sementara diesel meningkat sebanyak 63% kepada RM2.58 seliter bermula dari Jun 5. Sebahagian daripada pembaharuan subsidi ini termasuk mengenakan harga lebih tinggi untuk gas bagi industri dan pengeluar bekalan kuasa. Oleh itu, tarif elektrik akan meningkat sebanyak 18% untuk isi rumah dan 26% untuk pengguna komersil dan industri bermula dari Julai 1.

Oleh kerana kenaikan harga bahan api dan bekalan kuasa serta makanan, kadar inflasi dalam 2008 diunjurkan meningkat kepada 5.2%, yang tertinggi dalam 10 tahun. Sejajar dengan kadar inflasi yang lebih tinggi, Bank Negara Malaysia dijangka meningkatkan OPR sebanyak 50 mata asas sebelum penghujung tahun.

Di peringkat tertentu, pengukuhan Ringgit membantu menyederhanakan peningkatan tekanan inflasi dalam 2007 dan dalam tahun ini. Mata wang tempatan naik sebanyak 6.8% berbanding dolar AS kepada purata 3.31 pada tahun lepas. Ia naik lagi sebanyak 1.2% dalam enam bulan pertama tahun ini dan mencecah ketinggian 3.13 berbanding dolar AS pada April 23. Pengukuhan Ringgit mencerminkan kesan daripada suasana kelemahan dolar AS berikutan potongan kadar faedah oleh US Federal Reserves. Ia turut mencerminkan kekuatan asas-asas ekonomi dalam negara. Meskipun Ringgit mencatatkan trend menurun semenjak Mei kerana dolar AS bertambah kukuh dan adanya aliran keluar modal jangka pendek, ia dijangka mengakhiri tahun ini pada tahap 3.10-3.20 berbanding dolar AS.

PENUTUP

Ekonomi Malaysia telah menunjukkan prestasi yang baik dalam 2007 dan ini telah memberikan asas yang kukuh kepada ekonomi negara untuk terus berkembang dalam 2008. Meskipun persekitaran luaran semakin mencabar, ekonomi Malaysia dijangka terus mencatatkan pertumbuhan yang menggalakkan dalam suasana permintaan dalam negeri yang mantap.

Memandangkan permintaan dalam negara dijangka terus berkembang, Kerajaan pula dijangka akan melaksanakan langkah-langkah kitaran balas, terutamanya jika kelemahan permintaan global mengakibatkan keyakinan pengguna dan perniagaan dalam negara berkurangan. Kerajaan perlu memulakan operasi fiskal yang lebih meluas sambil meneruskan dasar kewangan yang akomodatif. Ini mungkin menambahkan tekanan ke atas kedudukan belanjawan Kerajaan, tetapi ia tidak boleh dielakkan untuk membantu ekonomi terus berkembang.

Tekanan inflasi merupakan satu lagi masalah. Dalam suasana harga bahan api dan makanan yang lebih tinggi serta kos import yang lebih mahal, kadar inflasi mampu melepasi paras 5.0% pada tahun ini. Oleh itu, Bank Negara dijangka akan menaikkan OPR.

Akhir kata, ekonomi Malaysia akan terus bertahan dan berkembang melebihi 5.0% dalam 2008, untuk tahun ke-7 sejak 2002. Momentum pertumbuhan mampu dikekalkan sepanjang 2009-2010, dua tahun terakhir dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010). Dasar kewangan dan fiskal yang akomodatif akan membantu mengembangkan lagi perbelanjaan dalam negara. Sehubungan ini, KDNK sebenar boleh meningkat kepada 5.0-6.0% dalam 2009 dan 2010.

PERCUMA!

DENGAN PINDAHAN BAKI & QuickCash™



Sony Ericsson K550i

- Kamera Cyber-shot™ 2 Megapixel
- Sokongan Memory Stick Micro™ (M2™) (sehingga 2 GB)
- Bluetooth
- Track ID™
- Boleh didapati dalam warna hitam & putih

RM849 PERCUMA

dengan Pindahan Baki / QuickCash™ minimum RM6,000



Compaq Presario C700 Series + HP Deskjet F2100

- Pemproses Intel™ Pentium™ Dual Core T2330 (1.6GHz)
- LCD Berskrin Lebar 15.4" TFT WXGA dengan teknologi Bright view
- Cakera Keras 120GB • Memori 1GB SDDR 667 MHz
- Microsoft® Windows Vista™ Home Basic Tulen

RM2,699 PERCUMA

dengan Pindahan Baki / QuickCash™ minimum RM20,000

Apple iPod Shuffle



- Memori 1GB • Butang Shuffle • Petunjuk Bateri
- Jek Fon Kepala (Headphone)

RM349 PERCUMA

dengan Pindahan Baki / QuickCash™ minimum RM3,000

* Harga Pasaran adalah tepat pada masa cetakan • Sekiranya stok tidak dapat diperolehi, AmBank berhak untuk menggantikan hadiah dengan hadiah lain yang sama nilai • Terletak kepada Syarat-syarat & Peraturan

HANYA
8.99%
SETAHUN

Nilai hebat! Dengan kadar Pindahan Baki/QuickCash™ menarik - 8.99% setahun dengan pembayaran 24-bulan, inilah masa paling sesuai untuk bertukar. CEPAT! Sementara stok masih ada. Bukan seorang Ahli Kad Kredit AmBank? Mohonlah hari ini.

Kad Kredit AmBank



Hubungi 1300 80 8888 atau layari ambg.com.my

AmBank